



**JABATAN KEWANGAN NEGERI**  
TINGKAT 23,  
KOMPLEKS TUN ABDUL RAZAK (KOMTAR),  
PETI SURAT 3007  
10990 PULAU PINANG  
TEL : 604-262 3505 (PEJABAT AM)  
FAKS : 604-263 0725  
604-261 4399



CERTIFIED TO ISO 9001 : 2015  
CERT. NO. QMS 02304



Ruj. Kami : JKNPP/03/07/1 Jld.3( 65 )

Tarikh : 04 Disember 2019  
07 Rabiulakhir 1441H

**Semua Ketua Jabatan, Negeri Pulau Pinang**

Y.B. Dato'/Y.Bhg. Dato'/Tuan/Puan,

**PEMBERIAN BANTUAN KHAS KEWANGAN TAHUN  
2019 (BKK-2) KEPADA ANGGOTA PERKHIDMATAN AWAM NEGERI**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Berdasarkan kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang pada 22 November 2019 dan disahkan pada hari yang sama telah bersetuju dengan pemberian Bantuan Khas Kewangan Tahun 2019 (BKK-2) kepada Anggota Perkhidmatan Awam Negeri meliputi Kumpulan Pelaksana, Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Kumpulan Pengurusan Tertinggi sebanyak 1/2 bulan gaji atau minimum RM1,000.00. Surat daripada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri bilangan ( 38 ) dalam PSUKPP/01/0755/3 Jld.7 bertarikh 26 November 2019 hendaklah dirujuk.

3. Sehubungan itu, bagi persediaan **Pembayaran Bantuan Khas Kewangan(BKK-2)** di Pentadbiran Kerajaan Negeri Pulau Pinang, kerjasama daripada pihak Y.B. Dato'/Y.Bhg. Dato'/Tuan/Puan adalah diperlukan dalam mematuhi tatacara pembayaran yang ditetapkan.

...2

Ruj. Kami : JKNPP/03/07/1 Jld.3( 65 )

Tarikh : 04 Disember 2019  
07 Rabiulakhir 1441H

4. Berikut adalah tatacara pembayaran yang perlu dipatuhi bagi tujuan pembayaran Pemberian Bantuan Khas Kewangan Tahun 2019 :-

- a. Cetak laporan gaji G004 (Senarai Edit Pemberian Bayaran Khas Prestasi).
- b. Kemaskini di laporan berkenaan dengan memotong nama pegawai yang tidak layak dan juga amaun yang perlu dilaraskan (bagi pegawai yang tidak cukup bulan perkhidmatan).
- c. Jabatan juga perlu mengedit maklumat di laporan ke dalam sistem SPEKS melalui butang Penyelenggaraan Bonus/Bantuan Khas.
- d. Laporan gaji G004 yang telah diedit perlu disahkan oleh Ketua Jabatan seperti berikut dan dihantar ke Unit Gaji, Bahagian Pengurusan Bendahari Negeri.

**“Disahkan bahawa semua maklumat dan pembetulan adalah betul. Sekiranya terdapat sebarang bayaran terlebih dilakukan, maka Jabatan ini bertanggungjawab untuk mendapatkan kembali amaun tersebut”.**

.....  
(Tandatangan & Cop Jabatan)

- e. Pastikan semua tindakan di atas dibuat selewat-lewatnya pada **9 Disember 2019 (Isnin) sebelum jam 10.00 pagi.**

5. Bayaran Pemberian Bantuan Khas Kewangan akan dibayar mulai **18 Disember 2019 (Rabu)** dan adalah menjadi tanggungan jabatan di mana pegawai berkhidmat pada bulan pembayaran.

Ruj. Kami : JKNPP/03/07/1 Jld.3( 65 )

Tarikh : 04 Disember 2019  
07 Rabiulakhir 1441H

6. Bagi tujuan pembayaran Pemberian Bantuan Khas Kewangan Tahun 2019 ini, jabatan dikehendaki menyediakan Kew.8 (manual) dan merekodkan di dalam Buku Perkhidmatan pegawai perkhidmatan awam. Bagi pembayaran Pemberian Bantuan Khas Kewangan Tahun 2019 yang dibuat melalui **baucar berasingan**, sila lampirkan salinan Kew.8 dan penyata pengiraan sebagai dokumen sokongan bersama baucar bayaran tersebut.

7. Kerjasama Y.B.Dato'/Y.Bhg. Dato'/Tuan/Puan dalam perkara ini diucapkan terima kasih jua.

Sekian.

**"CEKAP, AKAUNTABILITI, TELUS"**  
**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,



**[MOHD AMRAN BIN ABD GHANI C.A(M)]**

Bendahari Negeri,

Pulau Pinang.

☎ : **604-2623505**

✉ : [mohdamran@penang.gov.my](mailto:mohdamran@penang.gov.my)

s.k : Y.B Pegawai Kewangan Negeri

Timbalan Pegawai Kewangan Negeri